

▼09/04/19-18MST

CNS1135

U GB 09-04 00165 BH696

AAB

Mahathir - TATI

HANYA KETABAHAN JAMIN KEJAYAAN, KATA DR MAHATHIR

KEMAMAN, 9 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata latihan dan institusi semata-mata tidak akan menjamin kejayaan sesuatu bangsa itu jika ia tidak diiringi dengan ketabahan menghadapi cabaran.

Beliau berkata, sesuatu kaum itu tidak boleh menyalahkan kaum lain jika mereka tertinggal ketika negara maju kelak kerana mereka mempunyai peluang sama rata, dan hanya ketabahan serta sikap sanggup menghadapi cabaran yang memisahkan mereka.

"Kalau kita tertinggal ketika orang lain maju, kita tidak boleh menyalahkan orang lain, itu silap kita," katanya ketika merasmikan perletakan batu asas Terengganu Advanced Technical Institute (TATI) di Teluk Kalung, dekat sini hari ini.

Beliau berkata, para ibu bapa dan anak-anak mereka perlu mengambil keputusan sekarang untuk tabah menghadapi cabaran bagi membangunkan negara.

Menurutnya, kemajuan negara bukan semata-mata bermakna rakyat hidup senang dan mewah, tetapi mereka tidak dihina oleh bangsa lain, malah dihormati. -- Lagi.

▼09/04/19-59MST

U GB 09-04 00128 BH697

AAB

Mahathir - TATI 2 (Akhir) Kemaman

Beliau memuji langkah Kerajaan Terengganu menggunakan kapakaran Switzerland bagi membangunkan TATI kerana bangsa Switzerland telah membuktikan bahawa mereka adalah bangsa yang maju dan mempunyai pendapatan perkapitan tertinggi di sebalik saiz yang kecil, penduduk tidak ramai dan cuaca terlalu sejuk.

Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa Kerajaan Terengganu akan berjaya membangun dan menguruskan TATI kerana Kerajaan Persekutuan tidak bercadang mengambil alih institusi itu.

Ketika berucap sebelum itu, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata, TATI bertujuan memberi latihan kemahiran lanjutan dalam bidang tertentu mengikut keperluan industri berteknologi tinggi.

Beliau berharap khidmat TATI akan dapat digunakan bukan sahaja oleh rakyat negara ini tetapi juga negara-negara rantau ini. -- Bernama.

AI-AZ.

▼09/04/20-02MST